

BAB LIMA :

PENUTUP

5.1 Rumusan

Kajian penulis ini dihasilkan bagi mencapai objektif tertentu termasuklah penjelasan terhadap perbincangan para sarjana fiqh tentang konsep *nusyūz* menurut perpektif syarak, menganalisis tafsiran *nusyūz* dan prosedur pensabitan isteri *nusyūz* berdasarkan peruntukan undang-undang keluarga Islam, amalan dan pelaksanaan di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga bagi mengkaji implikasi perundangan apabila seseorang isteri disabitkan *nusyūz* oleh mahkamah. Justeru dengan kajian yang telah dihasilkan ini dapat menepati kehendak-kehendak objektif yang telah digariskan tersebut.

Di samping objektif kajian, lanjutannya iaitu berkenaan persoalan kajian telah diperjelaskan sebaiknya. Persoalan-persoalan kajian ini dalam dijelaskan dalam konsep *nusyūz* menurut perspektif syarak dan juga peruntukan undang-undang sedia ada. Kepentingan dan keperluan perkara-perkara ini juga telah dibincangkan dalam kajian.

Nusyūz didefinisikan sebagai suatu perbuatan yang membelakangkan syarak sama ada *nusyūz* di pihak isteri atau di pihak suami. Persoalan *nusyūz* yang diketengahkan dalam kajian ini adalah *nusyūz* isteri sahaja. *Nusyūz* isteri adalah didefinisikan sebagai suatu tindakan yang dilakukan oleh isteri yang dianggap menentang kehendak suami tanpa alasan yang munasabah menurut hukum syarak.

Setiap isteri adalah wajib untuk memenuhi setiap kehendak dan perintah suaminya selagi tidak bertentangan hukum syarak. Isteri yang tidak dapat memenuhi tanggungjawab tersebut tanpa keuzuran yang munasabah dianggap sebagai *nusyūz*. Oleh itu, asas tindakan isteri yang *nusyūz* ialah pengabaian tanggungjawab, perubahan perasaan dan tindakan yang menimbulkan rasa tidak puas hati suami.

Secara jelasnya, permasalahan *nusyūz* dalam sesebuah perkahwinan boleh disifatkan sebagai “*duri dalam daging*” yang boleh merosakkan institusi kekeluargaan terbabit. Perkahwinan yang dibina berasaskan kasih sayang, sikap menghormati dan mengasihi akan runtuh sekiranya aspek-aspek tersebut diabaikan dalam proses mengukuhkan rumah tangga yang dibina.

Namun, *nusyūz* tidak sewenang-wenangnya boleh disabitkan ke atas isteri kerana hanya mahkamah syariah yang berbidangkuasa dalam perkara ini. Setelah pengesahan atau pensabitan *nusyūz* terhadap isteri dilakukan di mahkamah syariah, maka terdapat isu-isu berbangkit yang wajar ditimbulkan khasnya impak terhadap kedudukan isteri dalam rumah tangga dan tuntutan kehartaan selepas perceraian. Antaranya ialah gugur hak nafkah bagi isteri yang *nusyūz*, kedudukan isteri yang telah disabitkan *nusyūz* dan pelbagai lagi.

Tanda-tanda isteri *nusyūz* yang dapat dilihat melalui percakapan dan perbuatan. *Nusyūz* isteri melalui percakapan adalah seperti bercakap kasar terhadap suaminya seperti menengking dan memburuk-burukkan suami atau keluarga suaminya tanpa sebarang alasan yang munasabah. *Nusyūz* isteri melalui perbuatan pula adalah seperti enggan menunaikan ajakan suami untuk hubungan kelamin atau perbuatan yang menyebabkan suami tidak dapat akses isterinya; keluar daripada rumah kelaminnya tanpa kebenaran suami; enggan bermusafir dengan suami ataupun bukan bersama mahramnya tanpa keredhaan suami; mengkhianati suami dan tidak menjaga amanah suami; tidak menghiaskan diri untuk suaminya dengan sebaiknya; membantah perintah suami yang tidak melanggar syarak; dan berpuasa sunat tanpa kebenaran suami

Islam juga telah menganjurkan beberapa kaedah kepada suami bagi menangani isteri *nusyūz* iaitu bermula dengan nasihat, diikuti dengan pemulauan tempat tidur dan langkah terakhir adalah dengan pukulan yang mengajar. Setelah suami melakukan ketiga-tiga langkah terdahulu, tetapi gagal membawa sebarang perubahan yang positif

sedangkan suami masih mengharapkan usaha memulihkan hubungan dengan isteri, maka suami boleh melantik orang tengah atau orang perantaraan. Langkah-langkah ini perlu dijadikan panduan oleh para suami untuk dilaksanakan kepada isteri dalam menangani konflik rumah tangga.

Di samping itu, suami juga hendaklah sentiasa terus menjalankan tanggungjawabnya sebagai suami, khasnya dalam pemberian nafkah kepada isteri. Hak nafkah isteri tidak akan gugur dengan tindakan tersebut, namun perkara sebaliknya isteri telah disabitkan sebagai *nusyūz* oleh mahkamah syariah. Justeru, selagi tidak ada perintah berkenaan pensabitan isteri sebagai *nusyūz*, maka suami perlu menunaikan tanggungjawabnya kepada isteri.

Pensabitan *nusyūz* oleh mahkamah ke atas seseorang isteri tentunya akan menimbulkan implikasi atau kesan kepada isteri dan hak-haknya. Implikasi terhadap pensabitan isteri *nusyūz* boleh diskopkan sama ada ketika masih dalam perkahwinan, iaitu hak nafkah atau selepas berlakunya perceraian, seperti dalam hak terhadap nafkah ‘iddah, hadhanah, harta sepencarian dan mut‘ah.

Suami wajib untuk memberi nafkah dan perbelanjaan kepada isterinya yang taat dan termasuklah perbelanjaan makan minum, pakaian, perhiasan dan tempat tinggal yang selesa. Isteri yang taat juga berhak mendapat nafkah batin dari suami iaitu layanan mesra dan sempurna termasuk hubungan kelamin. Jumhur fuqaha’ menetapkan bahawa kewajipan nafkah isteri tidak hanya disebabkan akad perkahwinan yang sah semata-mata tetapi juga disyaratkan adanya keterikatan dan penyerahan diri isteri terhadap suaminya dengan sentiasa mentaati suami. Isteri wajib mentaati suami serta menunaikan tanggungjawabnya di dalam rumahtangga dengan melayan dan memenuhi keinginan suami. Nafkah yang diwajibkan ke atas suami merupakan balasan ke atas ketaatan isteri dan pengorbanan yang dilakukannya untuk manfaat suami. Justeru, sekiranya isteri

ingkar, iaitu *nusyūz* terhadap suaminya tanpa alasan atau mengikut hukum syarak, isteri boleh hilang haknya untuk mendapatkan nafkah daripada suaminya.

Sementara itu, bagi hak isteri terhadap nafkah 'iddah, pembayaran nafkah 'iddah hanya akan bermula setelah mahkamah mengesahkan perceraian tersebut dan permulaan bayaran hanya akan bermula selepas tarikh perceraian. Sekiranya suami enggan akan dianggap sebagai hutang dan masih boleh dituntut. Namun, apabila seseorang isteri *nusyūz* maka gugurlah hak isteri untuk menerima nafkah, pakaian dan giliran.

Harta yang dikumpul dalam tempoh perkahwinan atau harta sepencarian pula, tuntutan pula boleh dibuat sama ada semasa dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku perpisahan kerana kematian atau perceraian. Isteri *nusyūz* yang disabitkan oleh mahkamah tidak memberi implikasi terhadap hak isteri tersebut bagi mendapat harta sepencarian. Hal ini kerana, harta sepencarian merupakan usaha suami dan isteri dalam mendapatkan harta tertentu yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan. Perbahasan ulamak fiqh dan undang-undang juga tidak menyatakan kesan atau implikasi hak isteri yang disabitkan *nusyūz* terhadap harta sepencarian. Oleh demikian, isteri yang disabitkan *nusyūz* oleh mahkamah adalah masih berhak untuk mendapat pembahagian harta sepencarian dengan seadilnya.

Imam Syafi'e berpendapat pemberian mut'ah adalah wajib pada perceraian setelah berlakunya persetujuan antara suami dan isteri. Ulama' Syafie mentakrifkan mut'ah adalah harta yang wajib ke atas lelaki untuk membayar kepada isterinya yang diceraikan pada masa hidup dengan talaq dan sebagainya dengan beberapa syarat. Semua fuqaha sependapat bahawa wajib hukumnya mut'ah kepada isteri yang diceraikan kecuali Imam Malik yang menyatakan bahawa hukum pemberian mut'ah adalah sunat.

Kewajipan mut'ah kepada isteri gugur pada semua tempat yang digugurkan kesemua mahar seperti perkahwinan yang murtad dan perempuan yang difasakhkan perkahwinan dengan sebab penyusuannya dan sebagainya. Hal ini kerana mut'ah menepati satu perdua mahar yang telah ditentukan (mahar musamma). Oleh itu, maka mut'ah gugur pada semua tempat yang digugurkan mahar.

Tuntutan mut'ah berlaku apabila terjadi perceraian tanpa sebab yang munasabah termasuklah jika isteri sabit tidak taat kepada suami atas sebab yang syarie. Namun, isteri yang disabitkan *nusyūz* tidaklah menggugurkan hak isteri tersebut terhadap mut'ah, namun perkara tersebut boleh menjadi pertimbangan Mahkamah terhadap kadar mut'ah yang dipohon oleh isteri. Walau bagaimanapun daripada beberapa penghakiman yang dijalankan di mahkamah-mahkamah syariah jelas keputusan-keputusan tersebut mengambilkira pandangan Imam Syafi'e dalam menentukan kategori wanita yang berhak menerima mut'ah dan yang tidak berhak menerimanya.

Pada dasarnya, perceraian yang berlaku di antara suami dan isteri tidaklah menjejaskan perlindungan dan kebajikan ke atas anak-anak yang dilahirkan di dalam perkahwinan itu. Persoalannya ialah berkenaan dengan seseorang ibu yang telah atau pernah disabitkan *nusyūz* oleh Mahkamah Syariah, adakah ibu ini digugurkan haknya daripada menjadi hadhinah kepada anak-anaknya.

Nusyūz yang diperuntukkan dalam undang-undang pula hanyalah dalam skop yang terhad dan penentuan hadhinah yang benar-benar layak untuk menjaga anak-anak juga memerlukan penilaian terhadap ibu bapa demi kepentingan dan kebajikan anak-anak. Kebajikan anak-anak bukan sekadar keperluan asas, perubatan dan pendidikan malah termasuk juga dari aspek akhlak, sahsiah dan pengisian rohani anak tersebut.

Dari aspek takrifan perundangan pula, tindakan *nusyūz* secara tersirat ada dinyatakan dalam Undang-Undang Keluarga Islam, iaitu dalam perkara yang

membincangkan hak nafkah isteri. Tiada tafsiran secara khusus yang menjelaskan *nusyūz* dengan lebih lanjut. Peruntukan Seksyen 59(2) dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menunjukkan bahawa pengertian *nusyūz* dalam peruntukan tersebut terlalu sempit dan hanya disebut dalam perkara nafkah isteri sahaja. Jika seseorang isteri berlaku *nusyūz* seperti yang disebutkan dalam peruntukan yang dinyatakan tersebut tanpa sebab yang berpatutan, maka hak nafkah bagi isteri gugur.

Selain itu, perkara penting berkenaan *nusyūz* juga ialah prosedur pensabitan *nusyūz* di mahkamah syariah. Setakat ini, tiada kaedah khusus berkenaan proses pensabitan *nusyūz* sebagai panduan dalam perkara ini. Seksyen 59 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 menghuraikan keadaan-keadaan yang membolehkan pensabitan isteri *nusyūz* berlaku, iaitu sekiranya isteri menjauhkan diri daripada suaminya, meninggalkan rumah tanpa izin dan membuat perkara yang bertentangan dengan kemahuan suami atau enggan berpindah mengikut suami tanpa alasan munasabah dan boleh diterima syarak. Isteri yang disabitkan sebagai *nusyūz* oleh mahkamah tidak berhak mendapat nafkah dari suaminya sehinggalah isteri tersebut kembali menjalankan tanggungjawabnya terhadap suami.

Antara elemen penting yang menjadi pertimbangan mahkamah ialah wujudnya suatu perintah yang sah oleh suami. Perintah yang dimaksudkan ini adalah melalui beberapa cara seperti suami mengeluarkan perintah secara bertulis kepada isteri dan laporan daripada Unit Rundingcara dan Pembangunan Keluarga Islam, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) agar isteri kembali taat setelah suami membuat aduan. Selain itu, perintah mahkamah dalam kes Tuntutan Isteri Taat dan perintah suami secara lisan dengan dibuktikan juga boleh dijadikan asas suami bagi mendapatkan perintah pensabitan isteri sebagai *nusyūz*.

Tindakan bagi memulakan prosiding Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MSWP Kuala Lumpur tersebut adalah dengan berdasarkan pengamalan seperti yang dijelaskan dalam keempat-empat tindakan yang tersebut di atas. Kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* boleh difailkan ke mahkamah setelah suami memerintahkan isterinya agar kembali taat namun isteri tetap enggan.

Penulisan kajian ini juga berteraskan kajian kes terhadap fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui akses kepada fail kes. Tempoh analisis kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* adalah bagi tempoh enam tahun, iaitu dari tahun 2004 hingga 2009. Sebanyak 58 kes telah didaftarkan sepanjang tempoh tersebut dengan 48 kes telah selesai manakala baki 10 kes masih dalam prosiding di mahkamah. Sebanyak 45 fail kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* telah diakses bagi tujuan mengumpulan maklumat.

Bilangan kes yang didaftarkan bagi keenam-enam tahun kajian menunjukkan taburan kes yang tidak sekata antara setiap tahun. Pada tahun 2004, terdapat sebanyak empat kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang telah didaftarkan dan hanya satu kes pada tahun 2005. Sementara itu, pada tahun 2006 pula menunjukkan hanya dua kes didaftarkan. Peningkatan sebanyak 66.7% bagi pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* pada tahun 2007, iaitu sebanyak enam kes telah didaftarkan sepanjang tahun ini.

Tahun 2008 pula menunjukkan tahun pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* tertinggi, iaitu sebanyak 27 kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* telah didaftarkan pada tahun ini. Pendaftaran bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur pada tahun 2009 telah berkurangan berbanding tahun sebelumnya dengan 18 kes telah didaftarkan sepanjang tahun ini. Di samping itu, daripada statistik tersebut, 10 kes masih dalam tindakan atau prosiding perbicaraan atau sebutan manakala bakinya 48 kes atau 82.8% kes telah berjaya diselesaikan oleh mahkamah.

Isu-isu berbangkit dalam prosiding pensabitan isteri *nusyūz* di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan hasil analisis terhadap kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* memberikan dapatan seperti perbandingan pendaftaran kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* dan kes Tuntutan Isteri Taat di MRSWP Kuala Lumpur, penyelesaian bagi kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* di MRSWP Kuala Lumpur sepanjang enam tahun kajian, pengetahuan suami mengenai tatacara / prosedur pensabitan isteri *nusyūz*, ketiadaan peruntukan khusus tentang *nusyūz* dan persoalan taubat isteri yang *nusyūz*.

Konklusinya, permasalahan *nusyūz* perlulah ditangani sewajarnya seawal mungkin sebelum menjadi “*barah*” dalam rumahtangga. Suami perlu memainkan peranannya dalam memberi didikan dan bimbingan kepada isteri dan Islam sendiri sudah menyediakan garis panduan yang perlu dilakukan oleh suami iaitu dimulakan dengan nasihat, memisahkan tempat tidur dan pukulan pula sebagai langkah terakhir.

5.2 Saranan

Saranan yang diutarakan ini bertujuan bagi memperjelaskan kedudukan undang-undang, khasnya berkenaan tatacara atau prosedur pensabitan isteri *nusyūz*. Di samping itu, saranan yang dilontarkan juga dapat digunakan sebaiknya bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan terhadap persoalan isteri *nusyūz* sama ada dari sudut penjelasan konsep, prosedur dan implikasi perundangan. Dengan ini, secara tidak langsung akan membuka ruang kajian dan penghasilan penyelidikan yang lebih luas serta dapat memberi pendidikan dan maklumat baru kepada masyarakat.

Antara saranan penting hasil kajian ini adalah dari aspek perbahasan syarak berkenaan *nusyūz*. *Nusyūz* yang dibentangkan dalam kajian ini hanyalah memfokuskan *nusyūz* isteri terhadap suami. Perbahasan syarak juga tidak menafikan berkenaan *nusyūz* suami, dan perkara ini secara jelas menunjukkan bahawa *nusyūz* tidak hanya boleh berlaku kepada para isteri sahaja. Oleh itu, kupasan, perbincangan dan kajian lanjut

berkenaan *nusyūz* suami wajar diperluaskan agar dapat menjawab persoalan-persoalan berkenaan isu tersebut.

Di samping itu, seperti yang telah diperjelaskan melalui kajian ini, terdapat kekangan dari aspek perundangan. Hal ini kerana ketiadaan peruntukan undang-undang berkenaan perkara ini yang dikanunkan melainkan peruntukan berkenaan nafkah di Seksyen 59 (2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Justeru, kekangan ini juga telah memberikan tafsiran *nusyūz* dan pengamalan proses pensabitan isteri *nusyūz* yang pelbagai di kalangan para pengamal undang-undang, khususnya peguam syarie dan hakim.

Lantaran itu, sewajarnya keadaan yang rumit ini diharmonikan dengan mewujudkan suatu peruntukan undang-undang khas berkenaan perkara ini yang mencakupi persoalan-persoalan konsep, tafsiran, prosedur, implikasi hak dan sebagainya. Sebagai tambahan, undang-undang tersebut hendaklah diseragamkan pemakaiannya kesemua negeri di samping penambahbaikan dibuat dari semasa ke semasa. Saranan ini juga merupakan saranan yang penting dan wajar disegerakan.

Seterusnya, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang difailkan di MRSWP Kuala Lumpur hanya selesai disebabkan Plaintiff, iaitu suami tarik balik kes, iaitu sebanyak 32 kes atau 71.1%. Daripada situasi ini, dari sudut positifnya ialah isu *nusyūz* tidak dipanjang-panjangkan dan tentunya Plaintiff dan pasangan telah mempunyai solusi dalam permasalahan mereka.

Namun, dari aspek sebaliknya, iaitu Plaintiff menarik balik kes disebabkan ketiadaan maklumat dan ketidakfahaman tentang proses pensabitan isterinya sebagai *nusyūz*, tentunya situasi ini memberikan gambaran ketidakadilan terhadap hak Plaintiff, iaitu suami. Isteri yang *nusyuz* tidak berhak terhadap nafkah, namun pensabitannya hanyalah melalui kuasa mahkamah. Situasi suami yang memperjuangkan haknya bahawa isterinya adalah *nusyūz* dan gugur hak nafkah namun tidak diteruskan hanya

kerana tiada maklumat dan kurang kefahaman tentang perkara ini adalah menyedihkan dan tidak wajar berlaku sama sekali.

Oleh yang demikian, sebagaimana perjuangan kebanyakan pihak memberi kesedaran dan kefahaman kepada para isteri berkenaan hak-hak mereka, perkara yang sama juga perlu dilakukan kepada para lelaki dalam memberikan maklumat tentang *nusyūz* dan isu-isunya. Justeru, dengan tindakan proaktif yang komprehensif dan berterusan dalam perkara ini dapat menjamin keadilan semua pihak sekaligus memberi peringatan kepada isteri agar sentiasa mentaati suami dalam apa keadaan kecuali yang dibenarkan oleh syarak.

Kajian yang dihasilkan ini telah mendapat penjelasan berkenaan perbahasan syarak dalam perkara *nusyūz* dan juga perundangan sedia ada. Kajian juga telah menganalisis kes-kes Tuntutan Sabitan *Nusyūz* yang telah didaftarkan. Saranan tambahan pada kajian selanjutnya dalam isu *nusyuz* ini bagi tujuan memperkukuhkan pemahaman dari kajian ini adalah dengan menilai penghakiman bagi kes *nusyūz*. Penilaian ke atas keputusan mahkamah dan termasuklah teks penghakiman hakim juga dapat menentukan kedudukan *nusyūz* dalam sesuatu kes, khasnya dalam keadaan isu *nusyūz* sebagai Pembelaan dan Tuntutan Balas.

Selain aspek perundangan, saranan juga terarah kepada proses menyemarakkan perasaan saling menyayangi antara suami dan isteri perlulah berlanjutan sepanjang perkahwinan dan bukan pada tempoh awal perkahwinan sahaja. Setiap pasangan wajar bersikap toleransi dan memahami kehendak dan keperluan pasangan. Isteri perlu peka dan sentiasa mengetahui keperluan suaminya bukannya menimbulkan keresahan di hati suami.

Aspek pelaksanaan tanggungjawab juga merupakan elemen penting dalam mengukuhkan ikatan perkahwinan. Pengabaian tanggungjawab boleh mendorong kepada kelakuan *nusyūz* dan menjadi punca keretakan rumahtangga. Isteri mestilah

menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna dan menuruti permintaan suami seandainya tidak berlawanan syarak. Demikian juga dengan suami yang sememangnya perlu melunaskan tanggungjawab sebagai suami dengan baik.

5.3 Kesimpulan

Pensabitan *nusyūz* terhadap isteri memberi implikasi yang besar dalam kehidupan suami dan isteri. Dalam sesetengah keadaan, isteri akan berasa tertekan dengan perkara yang telah berlaku di samping dinafikan hak nafkah. Suami pula akan turut berperasaan yang sama berikutan permasalahan *nusyūz* ini merupakan perkara besar dan sudah tentu memberi impak terhadap mentaliti masyarakat.

Justeru, permasalahan ini sewajarnya ditangani secara berhemah dan dapat memberi kesan positif sama ada dalam diri isteri mahupun suami sendiri. Pencegahan awal merupakan kaedah terbaik dalam menangani apa-apa sahaja permasalahan. Oleh itu, pelaksanaan tanggung jawab dengan baik dan berperanan sebagai isteri dan suami yang sewajarnya perlu ditekankan sejak awal memasuki alam rumah tangga.